

e-Invois tingkat ketelusan bayar cukai



Oleh **Mohd Haizam Abdul Aziz**
dan **Zain Zulkifli**,
bhbz@bh.com.my

Pengarah
Percukaian, PwC
Malaysia



Pengurus Kanan
Percukaian,
PwC Malaysia

Pelancaran e-Invois LHDN pada 1 Ogos 2024 menghadapi permulaan yang kompleks, lanjutan daripada aduan berhubung kesukaran mengakses sistem MyInvois LHDN akibat banyak penyerahan e-Invois, dengan lebih 500,000 penghantaran untuk pengesahan diterima.

Pada 1 Ogos 2024, Malaysia telah mengorak langkah besar ke arah memodenkan transaksi perniagaan dengan pelaksanaan e-Invois secara berperingkat. Peralihan ini sebahagian daripada strategi negara untuk meningkatkan transformasi digital, memperkemas pematuhan cukai dan meningkatkan kecekapan transaksi kewangan.

Secara umum, e-Invois adalah proses menghantar dan menerima invois dalam format digital. Ia menggunakan teknologi untuk menghantar data invois antara perniagaan dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bagi memastikan ketepatan maklumat dan kadar pematuhan lebih tinggi.

Tarikh pelaksanaan e-Invois bergantung tahap hasil pendapatan perniagaan pada tahun kewangan 2022. Tarikh pelaksanaan fasa pertama ialah 1 Ogos 2024 bagi perniagaan yang mempunyai hasil tahunan melebihi RM100 juta.

Pengenalan *grace period* selama 6 bulan oleh LHDN pasti telah mengurangkan tahap keimbangan perniagaan dari segi kesediaan untuk melaksanakan e-Invois. Bagaimanapun, penting untuk diingatkan pada penghujung tempoh peralihan itu, setiap perniagaan dikehendaki melaksanakan e-Invois sepenuhnya.

Ini bermaksud perniagaan perlu meneruskan usaha melaksanakan e-Invois sepenuhnya bagi mengelak kemungkinan penalti dikenakan. Tempoh peralihan 6 bulan yang diberikan hanya sedikit 'masa tambahan' untuk memberi peluang kepada perniagaan berkaitan bagi memastikan semua keperluan e-Invois adalah teratur.

Cabaran utama dihadapi perniagaan

Perniagaan yang mempunyai tarikh akhir pelaksanaan lebih lewat (1 Januari 2025 dan 1 Julai 2025) perlu melaksanakan penilaian impak bagi mengenal pasti bagaimana e-Invois memberi kesan kepada mereka dan mengenal pasti perkara yang perlu dikemas kini atau diubah dari segi proses perniagaan dan perspektif teknologi.

Dengan mengambil kira apa pengalaman pelaksanaan e-Invois oleh perniagaan fasa pertama (1 Ogos 2024), cabaran atau halangan utama yang dihadapi perniagaan adalah seperti berikut:

- **Kos penubuhan awal:** Pelaksanaan sistem e-Invois mungkin memerlukan pelaburan awal yang ketara dalam aspek teknologi dan latihan pekerja.
- **Pengurusan perubahan:** Menyesuaikan diri dengan proses dan sistem baharu boleh menjadi

cabaran bagi pekerja yang sudah biasa dengan kaedah invois tradisional.

- **Privasi data:** Memastikan keselamatan maklumat kewangan sensitif adalah penting untuk mengelak pencerobohan data dan penipuan.

Walaupun pihak kerajaan telah berusaha mewujudkan kesedaran dan menyediakan garis panduan yang meluas, tahap kesediaan bagi pelaksanaan e-Invois berbeza antara perniagaan. Sejak pengenalan e-Invois, kerajaan mengadakan banyak sesi perbincangan bersama pemain industri bagi memahami isu rumit dan cabaran khusus yang dihadapi setiap industri dalam melaksanakan e-Invois.

Dengan pembentangan Belanjawan 2025 tidak lama lagi, memandangkan e-Invois akan memberi impak kepada lebih banyak perniagaan, kerajaan boleh mengambil kesempatan ini bagi menggariskan perkara yang boleh dijangkakan oleh pembayar cukai dan orang awam untuk persiapan lebih baik berikutnya fasa pertama pelaksanaan e-invois.

Pelaksanaan e-Invois di Malaysia adalah satu pencapaian penting dalam perjalanan negara ke arah transformasi digital, tetapi ia bukan tanpa cabaran dan halangan kepada perniagaan. Bagaimanapun, manfaat jangka panjang untuk perniagaan dan ekonomi perlu diambil kira.

Dengan pelaksanaan e-Invois, secara umumnya, Malaysia bergerak ke arah ekosistem kewangan lebih cekap dan telus. Kerajaan memainkan peranan yang amat penting bagi memastikan pelaksanaan e-Invois yang lancar dan berjaya, selaras dengan fokus rangka kerja Ekonomi MADANI, ke arah ketelusan, kecekapan dan akauntabiliti dalam kerajaan.